

22 JUN 1998

AGONG UTUS UCAPAN TAHNIAH KEPADA LUXEMBOURGH

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah mengutuskan ucapan tahniah kepada Grand Duke Jean dan Grand Duchess Josephine-Charlotte sempena sambutan Hari Kemerdekaan Luxembourg esok.

"Kami ingin mengucapkan semoga Grand Duke Jean dan Grand Duchess Josephine-Charlotte sentiasa sihat dan gembira dan rakyat Luxembourg terus mengecapi kemakmuran," kata Seri Paduka berdua dalam perutusan yang dikeluarkan oleh Kementerian Luar hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad juga mengutuskan ucapan tahniah kepada rakan sejawatannya Jean Claude Juncker.

"Saya berharap bahawa kita akan berpeluang bertemu sekali lagi tidak lama lagi untuk membincangkan pelbagai perkara berhubung kepentingan bersama antara kedua-dua negara kita," katanya.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga turut menghantar perutusan kepada rakan sejawatnya Jacques Poos sempena sambutan itu.

-- BERNAMA

NHZ RHM